



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 24/2023

FESTIVAL KESENIAN KANAK-KANAK KEBANGSAAN (FESKA)

KUALA LUMPUR, 1 Oktober 2023 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menganjurkan program Festival Kesenian Kanak-kanak Kebangsaan (FESKA) pada 30 September hingga 1 Oktober 2023 bertempat di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC). FESKA merupakan sebahagian daripada program di bawah teras utama JKKN yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan seni budaya. Pelaksanaan program ini adalah manifestasi kepada pelaksanaan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) yang menjadi platform menterjemahkan pencapaian cemerlang peserta PBSB.

Menariknya FESKA kali ini mengetengahkan kumpulan terbaik yang telah menjadi juara dari setiap negeri untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan. Justeru, konsep pertandingan tarian yang diketengahkan dalam festival ini akan memberikan suntikan semangat dan kreativiti, dorongan serta motivasi yang tinggi kepada semua kumpulan peserta untuk memberikan yang terbaik bagi merangkul anugerah juara peringkat kebangsaan.

FESKA turut dimeriahkan dengan pengisian sampingan seperti bengkel seni budaya, jualan produk dan pameran seni budaya yang turut disertai oleh Sekolah Seni Malaysia yang mempamerkan hasil karya lukisan pelajar sekolah berkenaan. Walaupun tarian menjadi elemen utama dalam festival ini, JKKN turut memperlihatkan elemen seni budaya lain yang berada di bawah PBSB iaitu teater, muzik, gasing, silat dan seni berbahasa. Pengisian-pengisian ini dapat memberi

pendedahan kepada peserta dan khalayak pengunjung untuk menghayati, memahami serta menghargai kesenian dan kebudayaan negara.

“Penganjuran FESKA merupakan inisiatif JKKN untuk terus menyemarakkan kesenian dalam kalangan kanak-kanak yang merupakan pewaris legasi masa hadapan negara. Semoga dengan penganjuran festival ini dapat menanam minat generasi muda untuk mencintai seni budaya warisan bangsa,”. Kata Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dalam kenyataannya hari ini.

Majlis Penyampaian Hadiah telah diadakan pada 1 Oktober 2023 (Sabtu) pukul 8.30 malam sempena Malam Aspirasi Seni Kanak-kanak yang akan disampaikan oleh Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah, JKKN. Turut hadir dalam memeriahkan festival ini YBrs. Encik Rosnan Nordin, Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Kebudayaan dan Kesenian, JKKN. Antara artis jemputan yang akan memeriahkan Malam Apresiasi tersebut ialah Haziq Rosebi dan artis cilik adik Cinta Suci Indah Urmila.

Orang ramai boleh menyaksikan festival ini secara langsung melalui pautan *facebook page*: *JKKNTV*. Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

Bersama ini dikemukakan keputusan pemenang Kejuaraan Tari Kanak-Kanak Malaysia di lampiran 1 untuk makluman dan juga pautan gambar https://drive.google.com/drive/folders/1IBVnekWs3F2Su1GW3bz_TysW7jY8KBOs?usp=drive_link.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi:

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-8091805
--	--

**KEPUTUSAN PEMENANG KEJUARAAN TARI KANAK-KANAK MALAYSIA
SEMPENA FESTIVAL KESENIAN KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2023.**

JUARA

SK Puncak Alam (2), Selangor
(Tingkah Mahsyur)
Tajuk Persembahan: Kirep
Koreografer: Shahril Aziz

NAIB JUARA

SJK (C) Keat Hwa, Alor Setar Kedah
(Kelab Tari Keat Hwa (K))
Tajuk Persembahan: Hutan Yang Menakjubkan
Koreografer: Chia Kai Xian

TEMPAT KETIGA

SK Kiawayan Tambunan, Sabah
(Kiawayan Dance Club)
Tajuk Persembahan: Sinimpung
Koreografer: Fredaus Bin Johari

TEMPAT KEEMPAT

Sekolah Seni Malaysia, Perak
(Gen'tari)
Tajuk Persembahan: Langkah Beralun
Koreografer: Al Jabar Bin Laura

TEMPAT KELIMA

SMK Bandar Bintulu, Sarawak
(Kumpulan Arts Bandarian)
Tajuk Persembahan: Avet
Koreografer: Ambrose Maja Anak Malaka

HADIAH SAGUHATI

SMK Syed Hassan, Perlis
(Cendana Sari)
Tajuk Persembahan: Embun Soksek
Koreografer: Hanita Binti Hajja

SM Sains Pasir Putih, Kelantan
(Tiranis)
Tajuk Persembahan: Zapin Nujum
Koreografer: Mazri Iz Clarisa Binti Mazrizan

SMK Rantau Petronas Kemaman, Terengganu
(Anak Seni Perantau)
Tajuk Persembahan: Bekwoh
Koreografer: Jasmadi Bin Abdul Majid

SMK Bukit Saujana, Port Dickson, Negeri Sembilan (Sanggar Sri Saujana)
Tajuk Persembahan: Joget Bayangan Rindu
Koreografer: Mohd Ainuddin Bin Mohd Ramlan

SM Sains Kepala Batas, Pulau Pinang
(Auratari)
Tajuk Persembahan: Serkap
Koreografer: Halimahton Saadiah Binti Ramli

SMK Tinggi Melaka
(Putra Tari MHS)
Tajuk Persembahan: Ratib Anak Lautan
Koreografer: Zaki Bin Saleh

SK Convent (1) Bukit Nanas, WPKL (Seroja)
Tajuk Persembahan: Engkabang
Koreografer: Muhammad Syazwan Bin Razali

SK Majidi Baru, Johor
(The Majidies Dancer)
Tajuk Persembahan: Dolanan Zapin
Koreografer: Muhammad Farhan Bin Mohd Tahir

SK Perempuan Methodist Kuantan, Pahang
(Aria Teja Dazzles)
Tajuk Persembahan: Jong-Jong Inai
Koreografer: Mohd Ash'ari Bin Osman

ANUGERAH BUSANA TERBAIK

Sekolah Seni Malaysia, Perak
(Gen'tari)
Tajuk Persembahan: Langkah Beralun
Koreografer: Al Jabar Bin Laura

ANUGERAH KOREOGRAFER TERBAIK

SK Puncak Alam (2), Selangor

(Tingkah Mahsyur)

Tajuk Persembahan: Kirep

Koreografer: Shahril Aziz

ANUGERAH SUSUNAN MUZIK TERBAIK

SJK (C) Keat Hwa, Alor Setar Kedah

(Kelab Tari Keat Hwa (K))

Tajuk Persembahan: Hutan Yang Menakjubkan

Koreografer: Chia Kai Xian

ANUGERAH KHAS JURI

SK Perempuan Methodist Kuantan, Pahang

(Aria Teja Dazzles)

Tajuk Persembahan: Jong-Jong Inai

Koreografer: Mohd Ash'ari Bin Osman